

**Panduan Membancuh:** Disyor menggunakan alat penyembur bergalas. Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **STEDFAST** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **STEDFAST** di dalam tangki alat penyembur.

**Panduan Menyembur/Merawat:** Lakukan semburan apabila terdapat serangan anai-anai. Sembur secara menyeluruh dan seragam mengikut kadar yang disyorkan.

**AWAS:** a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

**Pakaian dan Alat Perlindungan:** Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawai termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan.

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

**TANDA KERACUNAN:** Gatal-gatal pada mata, hidung, kerongkong dan kulit. Pendedahan yang berlebihan boleh menyebabkan mual, muntah, sakit kepala, pening dan sawan.

**RAWATAN KECEMASAN:** Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**RAWATAN PERUBATAN:** Jika tertelan, lakukan kurasan gaster dengan berhati-hati untuk mencegah penyedutan. Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

**MEDICAL TREATMENT:** If swallowed, perform gastric lavage with care to avoid aspiration. Treatment is symptomatic.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**NO. KECEMASAN Tel.: 03-5628 3999**



# STEDFAST



**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA**

**Perawis Aktif : alpha-cypermethrin ..... 1.5% w/w**  
**Perawis Lengai : ..... 98.5% w/w**

RACUN ANAI-ANAI / TERMITICIDE PEKATAN AMPAIAAN (SC)  
**No. Pendaftaran : LRMP. R1/3060** Kandungan Bersih :  
Tarikh Mengilang : 1 liter

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi:  
**PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)**  
**- 012-4309499 (lepas waktu pejabat)**  
**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

Didaftarkan oleh:  
**BASF (Malaysia) Sdn. Bhd.** (182671-M)  
No. 2, Jalan Astaka U8/B7, Bukit Jelutong, Seksyen U8,  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel.: 03-5628 3888 Faks: 03-5628 3777



PL(11/17

**STEDFAST** ialah sejenis racun anai-anai yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'pyrethroid' bertindak secara sentuhan dan keracunan perut untuk kawalan perosak anai-anai pada peringkat sebelum dan selepas pembinaan:

**ATURAN PENGGUNAAN:** Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

## A. RAWATAN SEBELUM PEMBINAAN

Peringkat/ Kawasan Rawatan	Perosak	Kadar Racun Bagi 10 Liter Air	Kadar dan Kaedah Semburan
<b>Peringkat Satu</b> Struktur konkrit atas tanah setelah dibuang acuan kayu, permukaan tapak konkrit / asas konkrit sebelum ditimbus tanah dan bahan asas kasar di sekeliling tapak asas.	Anai-anai ( <i>Coptotermes curvignathus</i> )	670 ml (1:15)	Sembur 5 liter larutan <b>STEDFAST</b> bagi setiap meter persegi kawasan rawatan.
<b>Peringkat Dua</b> Pada sesendi struktur palang konkrit atas tanah selepas dibuang bahan asas kasar sebelum dituang simen.		670 ml (1:15)	Sembur 5 liter larutan <b>STEDFAST</b> bagi setiap meter persegi kawasan rawatan.
<b>Peringkat Tiga</b> Pada kawasan 'apron' sekurang-kurangnya 1 meter dari longkang dan di sekeliling bangunan.		1110 ml (1:9)	Sembur pada permukaan tanah dan dalam peparit pada kadar 5 liter larutan <b>STEDFAST</b> / meter.

## B. RAWATAN SELEPAS PEMBINAAN

Kawasan Rawatan	Perosak	Kadar Racun Bagi 10 Liter Air	Kadar dan Kaedah Semburan
Rawatan pada lantai konkrit / simen di dalam bangunan / rumah.	Anai-anai ( <i>Coptotermes curvignathus</i> )	670 ml (1:15)	Korek lubang dengan menggunakan alat penggerudi pada jarak 20 cm di antara lubang. Jarak di antara lubang dan dinding ialah 15 cm. Masukkan 5 liter larutan pada setiap lubang tersebut. Rawatan hendaklah dilakukan di sekeliling dinding ruang lantai yang hendak dirawat.

உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு  
அருகில் வைக்காதீர்

**JAUHKAN DARIPADA MAKANAN  
DAN KANAK-KANAK**

**KELAS IV**

**KEEP AWAY FROM  
FOODSTUFF AND CHILDREN**

勿貯藏在靠近  
食品或兒童所接觸的地方